

KONSEP PINJAMAN MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

Oleh:

Syahnaz binti Sulaiman (Jakim)

Abstrak

Aktiviti pinjaman kewangan sudah menjadi sebahagian daripada budaya masyarakat moden hari ini. Malah kegiatan ini turut menyumbang kepada sindiket ceti haram atau Ah Long yang semakin membimbangkan banyak pihak. Kertas ini membincangkan tentang konsep pinjaman yang dibenarkan oleh Islam serta menggariskan beberapa prinsip umum yang wajar diberikan perhatian ketika berhutang. Umat Islam turut diseru untuk mengamalkan corak kehidupan yang serba sederhana (wasatiyyah) bagi mengelakkan mereka terjebak dengan bebanan hutang.

Pendahuluan

Realiti dunia hari ini menyaksikan manusia bekerja dan berusaha keras siang dan malam untuk mencari kesenangan dan keselesaan hidup. Sudah menjadi lumrah manusia mendambakan kehidupan yang serba mewah dengan berkereta besar, mendiami rumah yang dilengkapi dengan perabot dan kemudahan yang serba canggih dan eksklusif, berpakaian dan memiliki aksesori diri berjenama terkenal, tampak bergaya dan sebagainya. Walau bagaimanapun, tidak semua orang dapat menikmati keindahan dan keseronokan dunia meskipun setelah bertungkus lumus dan berhempas pulas mencari rezeki. Ini kerana soal takdir, rezeki, nasib baik dan buruk seseorang itu terletak dibawah kekuasaan dan rahmat Allah SWT yang Maha Mengetahui segala hikmah dan rahsia lagi Maha Bijaksana dalam mengatur perjalanan kehidupan seluruh umat manusia. Hakikat ini dapat difahami menerusi firman Allah SWT dalam surah *al-Zukhruf*, ayat 32:

أَهُمْ يَقْسِمُونَ رَحْمَتَ رَبِّكَ ۗ نَحْنُ قَسَمْنَا بَيْنَهُمْ مَعِيشَتَهُمْ
 فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا ۗ وَرَفَعْنَا بَعْضَهُمْ فَوْقَ بَعْضٍ دَرَجَاتٍ لِيَتَّخِذَ
 بَعْضُهُمْ بَعْضًا سَخِرِيًّا ۗ وَرَحِمْتُ رَبُّكَ خَيْرٌ مِّمَّا يَجْمَعُونَ

Terjemahan:

“(Mengapa pemberian Kami itu mereka ingkarkan?) Adakah mereka berkuasa membahagi-bahagikan (perkara-perkara kerohanian dan keagamaan yang menjadi sebesar-besar) rahmat Tuhanmu (Wahai Muhammad), seolah-olah Kami hanya berkuasa dalam perkara kebendaan dan keduniaan sahaja? Mereka tidak ingkarkan): Kami membahagi-bahagikan antara mereka segala keperluan hidup mereka dalam kehidupan dunia ini, (setengahnya Kami jadikan kaya raya dan setengahnya miskin menderita); dan juga Kami telah menjadikan darjat setengah mereka tertinggi dari darjat setengahnya yang lain; (semuanya itu) supaya sebahagian dari mereka senang mendapat kemudahan menjalankan kehidupannya dari (bantuan) setengahnya yang lain. Dan lagi rahmat Tuhanmu (yang meliputi kebahagiaan dunia dan akhirat) adalah lebih baik dari kebendaan dan keduniaan semata-mata yang mereka kumpulkan.”

Rata-ratanya masyarakat terpaksa berhutang atau membuat pinjaman kewangan untuk menikmati taraf hidup yang lebih selesa dengan tujuan untuk memiliki keperluan asas seperti kenderaan, rumah, perabot dan sebagainya. Terdapat juga mereka yang berhutang bagi tujuan menceburkan diri dalam bidang perniagaan atau meluaskan lagi empayar perniagaan. Malah seakan-akan sudah menjadi trend dalam dunia hari ini, ramai yang terpaksa mendapatkan pinjaman kewangan bagi tujuan melanjutkan pelajaran atau mendapatkan pendidikan dengan dibiayai oleh pihak-pihak tertentu. Dalam situasi ini, seseorang itu boleh berhutang tetapi jumlah hutang tersebut mestilah berkadar dengan jumlah pendapatan di mana individu tersebut dapat melunaskan hutangnya dan menjalani kehidupan dengan baki pendapatan yang ada.

Berdasarkan statistik rasmi yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia, sehingga September 2008, nilai pinjaman menerusi kad kredit yang direkodkan di negara ini adalah berjumlah RM23.8 billion. Manakala jumlah pinjaman peribadi

adalah sebanyak RM4.5 billion. Statistik tersebut menggambarkan bahawa berhutang sebenarnya telah sebatu dan menjadi sebahagian daripada gaya hidup masyarakat pada hari ini.

Pandangan Islam mengenai amalan berhutang

Islam tidak menggalakkan umatnya berhutang atau membuat pinjaman kewangan terutama sekali bagi tujuan yang melebihi keperluan asas kehidupan. Fenomena yang menimbulkan kerisauan dalam masyarakat hari ini ialah wujudnya sikap segelintir anggota masyarakat yang membenarkan tabiat berhutang menguasai kehidupan mereka sehingga membawa kemudaratan bukan sahaja kepada diri sendiri malah ahli keluarga. Lebih-lebih lagi dalam dunia hari ini di mana pelbagai pihak misalnya bank, koperasi juga khidmat pinjaman menerusi saluran yang tidak diiktiraf oleh undang-undang seperti syarikat pemberi pinjaman wang tidak berlesen atau ah long begitu mudah menyediakan pinjaman kepada orang ramai melalui skim pinjaman peribadi, kad kredit dan sebagainya.

Senario ini menyebabkan tabiat berhutang semakin menular dalam masyarakat yang bukan sahaja melibatkan golongan berpendapatan rendah malah turut membabitkan golongan di peringkat pertengahan, berpendapatan tinggi dan profesional sama ada kakitangan kerajaan, swasta atau bekerja sendiri.

Budaya suka berhutang sebegini amat ditegah oleh Islam kerana agama yang mulia ini menganjurkan umatnya menjalani kehidupan secara wasatiyyah atau bersederhana dan mengutamakan sikap qana'ah. Keinginan manusia terhadap kesenangan dunia sememangnya tiada batasan dan sempadan namun keinginan tersebut wajar diseimbangkan dengan keimanan serta penghayatan nilai-nilai murni yang digariskan oleh Islam.

Terdapat suatu kisah yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah bahawa Rasulullah SAW enggan menyembahyangkan jenazah seorang sahabat yang telah meninggal dunia setelah mengetahui sahabat yang meninggal dunia tersebut belum melangsaikan hutangnya. Tindakan Rasulullah SAW ini menggambarkan dosa orang tidak menjelaskan hutangnya begitu berat lebih-lebih lagi dalam situasi sekiranya hutangnya itu dilipat gandakan dengan riba.

عن أبي هريرة أن رسول الله -صلى الله عليه وسلم- كان يؤتى بالرجل الميت عليه "هل ترك لدينه من قضاء". فإن حدث أنه ترك وفاء صلى عليه وإلا قال "صلو على صاحبكم". فلم فتح الله عليه الفتوح قال "أنا أولى بالمؤمنين من أنفسهم فمن توفى وعليه دين فعلى قضاؤه ومن ترك مالا فهو لورثته".¹

Terjemahan:

Abu Hurairah meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW ketika didatangi oleh seseorang untuk menyembahyangkan jenazah, lalu Baginda bertanya: "Adakah dia meninggalkan hutang yang telah disempurnakan atau tidak. Sekiranya diberitahu si mati telah menyempurnakan hutangnya maka Baginda akan bersembahyang ke atas jenazah tersebut. Sekiranya tidak disempurnakan, Baginda bersabda: "Sembahyanglah kamu ke atas sahabatmu ini. Selepas berlakunya peristiwa pembukaan Kota Mekah, Baginda Rasulullah SAW telah bersabda: "Akulah yang sepatutnya lebih dipertanggungjawabkan ke atas orang-orang mu'min daripada diri mereka sendiri, maka sesiapa yang meninggal dunia dan dia berhutang, maka aku akan menjelaskan hutang tersebut dan sesiapa yang meninggalkan harta maka harta tersebut adalah untuk warisnya."

Rasullulah SAW juga pernah didengari bersabda bahawa tabiat berhutang harus diperangi sebagaimana memerangi amalan kekufuran:

عن أبي سعيد الخدري عن النبي صلى الله عليه وسلم قال: "اعوذ بالله من الكفر والدين فقال رجل أيعدل الدين بالكفر؟ قال نعم الاستعاذة من غلبة الدين".²

Terjemahan:

Abu Said al-Khudriyy meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW telah bersabda: "Aku memohon perlindungan daripada Allah daripada perbuatan kufur dan hutang. Seorang lelaki bertanya kepada Baginda, adakah kamu samakan kekufuran dengan hutang wahai Rasulullah? Baginda menjawab: Ya, mohon dilindungi daripada hutang".

Di sebalik kesenangan dan kemewahan harta yang dipamerkan oleh orang yang banyak berhutang, jiwa mereka sebenarnya diselubungi keresahan dan tekanan perasaan siang dan malam. Rasulullah SAW sering berdoa kepada Allah SWT agar dijauhkan daripada tabiat berhutang dan antara doa yang sering diamalkan oleh Baginda adalah seperti berikut:

“اللهم إني أعوذ بك من الهم والحزن ، وأعوذ بك من العجز والكسل، وأعوذ بك من من الجبن والبخل ، وأعوذ بك من غلبة الدين وقهر الرجال”³

Terjemahan:

“Ya Allah, aku mohon perlindunganMu daripada perasaan sedih dan gelisah, aku mohon perlindunganMu daripada kelemahan dan kemalasan, aku mohon perlindunganMu dari sifat pengecut dan kedekut, dan aku mohon perlindunganMu daripada cengkaman hutang dan penindasan orang”.

Konsep Pinjaman dalam Islam

Dari kaca mata perundangan Islam, pinjaman dibahagikan kepada 2 kategori iaitu *al-'ariyah* dan *al-qard*. *Al-'ariyah* merujuk kepada pinjaman yang melibatkan pemberian sesuatu barangan atau harta oleh pemberi pinjaman kepada peminjam bagi tujuan penggunaan manfaat barang atau harta tersebut secara percuma. Hak pemilikan ke atas barang tersebut masih kekal pada pemberi pinjaman dan peminjam tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kerosakan atau susut nilai bagi barang tersebut kecuali kecuaiian adalah berpunca daripada peminjam sendiri.⁴ Barang yang dipinjam hendaklah dipulangkan kepada tuannya dan bukan memulangkan gantian barang tersebut. Pinjaman secara *'ariyah* hanya melibatkan barangan atau benda yang tidak musnah apabila digunakan yang boleh dikembalikan dalam keadaan asal misalnya kereta, telefon bimbit, baju dan buku. Sekiranya barang tersebut merupakan barang yang mudah musnah atau susut nilai seperti sabun, maka akad pinjaman tersebut tidak sah.⁵

Manakala *al-qard* ialah pinjaman yang melibatkan pemindahan pemilikan barangan atau komoditi yang boleh dianggarkan dan diganti mengikut bilangan, sukatan atau timbangan. Kadangkala orang Arab menyebutnya sebagai salaf

(hutang) iaitu pinjaman yang dibayar balik kepada pemiutang tanpa syarat keuntungan.⁶ Kesan daripada transaksi ini ialah wujudnya hutang atau keberhutangan daripada satu pihak iaitu penghutang kepada satu pihak yang lain iaitu pemberi hutang (pemiutang). Peminjam (penghutang) hendaklah memulangkan kembali barang yang dipinjam dalam bentuk gantian dan bukan merupakan benda yang asal. Misalnya, A memberi pinjaman RM1,000 kepada B. Selepas tempoh tertentu B dikehendaki memulangkan kembali nilai wang yang sama iaitu RM1,000 dan bukan memulangkan wang kertas yang asal.

Definisi *al-Qard*

Al-qard dari segi bahasa bermaksud *al-qat'u* (potong). Harta yang diberikan kepada orang yang berhutang dinamakan *qard* kerana pemiutang memotong (mengambil) sebahagian hartanya untuk diberikan kepada penghutang. Dari segi istilah, *al-qard* merujuk kepada penyerahan sesuatu barang atau harta daripada pemiutang kepada penghutang dengan syarat barang tersebut atau sesuatu yang sama nilai dengannya akan digantikan kembali kepada pemilik asal tanpa sebarang penambahan.⁷ Sebarang tambahan terhadap barang atau wang yang diberi pinjam adalah ditegah dalam Islam kerana ia dianggap sebagai *riba* atau lebihan yang tidak mempunyai ganti yang dikenakan oleh pemberi pinjaman sementara menunggu bayaran balik.

Orang yang berhutang mempunyai tanggungjawab untuk memulangkan barang yang sama atau serupa dengan apa yang dipinjam tanpa apa-apa tambahan terhadap harta yang dipinjam itu. Kebiasaannya barang yang menjadi objek bagi akad *qard* ialah wang atau lain-lain medium pertukaran yang diterima oleh orang ramai. *Al-Qard* dikategorikan sebagai akad *tabarru'* iaitu kontrak yang berteraskan kepada konsep kebajikan. Ini kerana faedah atau manfaat daripada transaksi yang berlaku hanya diperolehi oleh satu pihak sahaja iaitu penghutang.

Larangan *riba*

Larangan terhadap *riba* adalah jelas berdasarkan kepada firman Allah SWT dalam surah *al-Baqarah* ayat 275:

الَّذِينَ يَأْكُلُونَ الرِّبَا لَا يَقُومُونَ إِلَّا كَمَا يَقُومُ الَّذِي يَتَخَبَّطُهُ
الشَّيْطَانُ مِنَ الْمَسِّ ۚ ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ قَالُوا إِنَّمَا الْبَيْعُ مِثْلُ
الرِّبَا ۗ وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا ۚ فَمَنْ جَاءَهُ مَوْعِظَةٌ مِنْ
رَبِّهِ فَانْتَهَىٰ فَلَهُ مَا سَلَفَ وَأَمْرُهُ إِلَى اللَّهِ ۗ وَمَنْ عَادَ فَأُولَٰئِكَ
أَصْحَابُ النَّارِ ۗ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ

Terjemahan:

“Orang-orang yang memakan (mengambil) riba itu tidak dapat berdiri betul melainkan seperti berdirinya orang yang dirasuk syaitan dengan terhuyung-hayang kerana sentuhan (syaitan) itu. Yang demikian ialah disebabkan mereka mengatakan: “Bahawa sesungguhnya berniaga itu sama sahaja seperti riba”. Padahal Allah telah menghalalkan berjual-beli (berniaga) dan mengharamkan riba. Oleh itu, sesiapa yang telah sampai kepadanya peringatan (larangan) dari Tuhannya lalu ia berhenti (dari mengambil riba), maka apa yang telah diambilnya dahulu (sebelum pengharaman itu) adalah menjadi haknya, dan perkaranya terserahlah kepada Allah. Dan sesiapa yang mengulangi lagi (perbuatan mengambil riba itu) maka itulah ahli neraka, mereka kekal di dalamnya.”

Allah SWT juga telah memberi peringatan kepada orang yang beriman agar tidak memakan riba sebaliknya mereka diseru agar bertaqwa kepada Allah SWT kerana dengan itu mereka akan terdiri daripada orang-orang yang berjaya. ⁸

“Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu makan atau mengambil riba dengan berlipat-lipat ganda, dan hendaklah kamu bertaqwa kepada Allah supaya kamu berjaya.”

Terdapat hadith Rasulullah SAW yang menyebut bahawa setiap pinjaman (hutang) yang mempunyai manfaat ianya adalah riba.

“قال رسول الله -صلى الله عليه وسلم - “ كل قرض جر

منفعة, فهو ربا

Terjemahan:

*"Rasulullah SAW telah bersabda bahawa setiap pinjaman (hutang) yang ada manfaat, ianya adalah riba."*⁹

Banyak hadith Rasulullah SAW yang menggambarkan ketegasan Baginda dalam memerangi amalan riba. Malah Baginda melaknat orang yang memakan riba, orang yang menjadi agen, orang yang mencatat transaksi tersebut serta orang yang menjadi saksi dan Baginda menyatakan dosa yang ditanggung oleh mereka adalah sama sahaja

عَنْ جَابِرٍ، قَالَ: "لَعَنَ رَسُولُ اللَّهِ أَكْلَ الرِّبَا، وَمُوكَلَّهُ،
وَكَاتِبَهُ، وَشَاهِدِيهِ، وَقَالَ: هُمْ سَوَاءٌ"

Terjemahan:

*"Rasulullah SAW mengutuk penerima riba, pemberi riba, pencatat dan dua orang saksi dan Baginda bersabda: Mereka semuanya adalah sama dalam melakukan dosa."*¹⁰

Dosa orang yang melakukan riba juga adalah amat berat di sisi Allah SWT. Hadith yang diriwayatkan oleh al-Baihaqi yang menyatakan bahawa satu dirham riba yang dimakan oleh anak Adam terlalu berat dosanya disisi Allah SWT iaitu melebihi dosa tiga puluh enam kali melakukan maksiat zina.

Ketegasan Rasulullah SAW dalam menghapuskan amalan riba jahiliyyah turut disampaikan ketika Baginda mengerjakan haji yang terakhir (*hajjah al-wida'*) dengan menghapuskan semua bentuk faedah atau bunga yang dikenakan kepada orang yang berhutang dengan bapa saudaranya al-Abbas bin Abdul Muttalib.¹¹

Menurut al-Sarakhsi faedah atau perolehan yang disyaratkan pada hutang adalah dikira hutang yang menghasilkan faedah dan ianya adalah tidak halal. Manakala Ibn Qudamah berpendapat bahawa setiap hutang yang disyaratkan tambahan adalah haram tanpa perselisihan pendapat di kalangan ulama.

Fatwa pengharaman riba

Al-Mu'tamar Al-Islamiy li Majma' al-Buhuth al-Islamiyyah kali kedua, pada bulan Mei tahun 1965 di Kaherah telah membuat keputusan bahawa faedah yang dikenakan dalam semua bentuk pinjaman (hutang) adalah riba. Manakala *Majma' al-Fiqh al-Islamiy* dalam persidangannya kali kedua di Jeddah pada 22-28 Disember 1985

telah mengeluarkan fatwa bahawa setiap penambahan atau faedah ke atas hutang disebabkan peminjam lewat menjelaskan hutang atau faedah yang ditetapkan pada awal kontrak pinjaman, keduanya adalah riba yang diharamkan oleh hukum syara'. Sementara itu, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke-32, pada 10-11 Jun 1993 telah membuat keputusan bahawa "Wang faedah yang diperolehi dari bank atau institusi kewangan adalah haram digunakan untuk diri sendiri tetapi hendaklah diserahkan kepada Baitulmal."

Prinsip *al-Qard al-Hasan*

Prinsip muamalah Islam secara jelas mengharamkan sebarang bentuk pinjaman wang yang mempunyai faedah. Sebarang tambahan nilai atau lebih daripada jumlah pinjaman yang asal adalah dianggap sebagai riba. Ini kerana pinjaman yang mempunyai faedah mempunyai unsur-unsur penindasan dan ketidakadilan sehingga membebankan pihak yang meminjam wang atau berhutang. Justeru, Islam hanya membenarkan transaksi pemberian hutang atau pinjaman wang yang bebas daripada unsur riba dan mengutamakan kebajikan dan keadilan sosial yang dikenali sebagai *al-qard al-hasan*.

Secara umumnya, perkataan *al-qard al-hasan* bermaksud pinjaman yang baik. Ia merupakan manifestasi keprihatinan seseorang untuk melakukan kebajikan dengan membantu saudaranya yang berada dalam kesempitan khususnya dalam aspek kewangan. Oleh itu, peminjam hanya perlu membayar jumlah wang yang dipinjam sahaja tanpa dikenakan faedah. Konsep kebaikan dalam kontrak ini juga menjurus kepada kepada sifat toleransi dan prihatin peminjam yang boleh memberikan saguhati berbentuk wang kepada pemiutang sewaktu melunaskan hutangnya sebagai tanda penghargaan kepada pemiutang kerana memberikan bantuan dalam keadaan terdesak. Ini berdasarkan kepada hadith Jabir bin Abdullah yang meriwayatkan bahawa beliau telah pergi berjumpa dengan Rasulullah SAW di masjid. Baginda Rasulullah menyuruhnya menunaikan solat dua rakat dan selepas itu Baginda telah membayar hutang kepada Jabir dengan bayaran yang lebih.¹²

Dalil pensyariatan

Hukum pelaksanaan al-qard al-hasan adalah berdasarkan kepada firman Allah SWT, hadith Rasulullah SAW dan ijma' para fuqaha'. Firman Allah SWT dalam surah *al-Baqarah*, ayat 245:

مَنْ ذَا الَّذِي يُقْرِضُ اللَّهَ قَرْضًا حَسَنًا فَيُضِعَّهُ لَهُ مِثْلَ مُضَاعَفًا
كَثِيرَةً ۗ وَاللَّهُ يَقْبِضُ وَيَبْسُطُ وَإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ

Terjemahan:

"Siapakah orangnya yang (mahu) memberikan pinjaman kepada Allah sebagai pinjaman yang baik (yang ikhlas) supaya Allah melipat gandakan balasannya dengan berganda-ganda banyaknya dan (ingatlah), Allah jualah yang menyempit dan yang meluaskan (pemberian rezeki) dan kepadaNya lah kamu semua dikembalikan."

Berdasarkan ayat di atas, Allah SWT mengiktiraf orang yang memberikan pinjaman secara *al-qard* bagi tujuan meringankan beban orang yang memerlukan. Tindakan tersebut diibaratkan seumpama memberi pinjaman ke jalan Allah SWT serta dijanjikan balasan yang berlipat ganda.¹³

Begitu juga dalam surah *al-Hadid*, ayat 11 Allah SWT memberi jaminan akan melipat gandakan pahala orang yang memberikan pinjaman secara ikhlas:

مَنْ ذَا الَّذِي يُقْرِضُ اللَّهَ قَرْضًا حَسَنًا فَيُضِعَّهُ لَهُ مِثْلَ مُؤَلِّمٍ كَرِيمٍ

Terjemahan:

"Siapakah orangnya yang mahu memberikan pinjaman kepada Allah, sebagai pinjaman yang baik (ikhlas) supaya Allah melipat gandakan balasannya? Dan (selain itu) ia akan beroleh pahala yang besar."

Hukum al-Qard al-Hasan

Hukum pelaksanaan qard hasan adalah sunat berdasarkan kepada hadith Rasulullah SAW dan juga ijma' para fuqaha'.¹⁴ Dalam satu hadith yang diriwayatkan oleh Ibn Mas'ud, Rasulullah

SAW telah bersabda bahawa seorang muslim yang memberikan pinjaman wang atau hutang (*qard*) sebanyak dua kali adalah seperti bersedekah sekali.¹⁵

روى ابن مسعود أن النبي صَلَّى اللهُ عليه وسلم قال: من
أقرض مسلماً درهما مرتين كان له أجر صدقة مرة

Terjemahan:

"Sesiapa daripada kalangan muslim yang memberikan pinjaman kepada muslim yang lain sebanyak dua kali, ganjarannya seperti melakukan sedekah sekali."

Malah terdapat juga hadith yang diriwayatkan oleh Anas bahawa Rasulullah SAW telah bersabda:¹⁶

عن أنس قال: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: "رأيت
مكتوباً على باب الجنة ليلة أسري بي الصدقة بعشر أمثالها
والقرض بثمانية عشر، فقلت: يا جبريل ما بال القرض أفضل
من الصدقة؟ قال: لأن السائل قد يسأل وعنده والمستقرض
لا يستقرض إلا من حاجة"

Terjemahan:

"Pada malam aku diisra'kan (*mi'raj*) aku melihat tulisan di pintu syurga, pahala sedekah ialah sepuluh kali ganda dan pahala memberi hutang ialah 18 kali ganda. Aku bertanya Jibril kenapa memberi hutang lebih banyak pahalanya daripada sedekah? Jibril menjawab kerana orang yang meminta sedekah dalam keadaan meminta sedang dia mempunyai harta, sedangkan orang yang meminta pinjaman tidak akan meminta pinjaman kecuali kerana sesuatu keperluan."

Berdasarkan kepada hadith di atas, hukum memberi hutang kepada seseorang yang memerlukan adalah sunat manakala harus bagi seseorang untuk berhutang bagi tujuan untuk membebaskan dirinya daripada kesempitan hidup.¹⁷ Jelas di sini bahawa Islam merupakan satu agama yang menyediakan ruang dan jalan penyelesaian terhadap kesulitan yang dihadapi oleh umat manusia. Ia selaras dengan prinsip utama yang mendasari akad *qard* iaitu *ta'awun* iaitu saling bantu-bantu di kalangan sesama insan bagi tujuan meringankan beban golongan yang berada dalam kesusahan dan memerlukan. Malah Allah telah menjanjikan balasan yang baik bagi seorang muslim yang melapangkan kesempitan yang

dihadapi oleh saudaranya dengan tujuan menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh mereka. Abu Hurairah dalam satu hadith telah meriwayatkan seperti berikut:

عن أبي هريرة، قال: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: من نفس عن مؤمن كربة من كرب الدنيا، نفس الله عنه كربة من كرب الآخرة، ومن يسر على معسر يسر الله عليه في الدنيا والآخرة، والله في عون العبد ما كان العبد في عون أخيه¹⁸

Terjemahan:

"Abu Hurairah telah meriwayatkan bahawa Nabi Muhammad SAW telah bersabda: Sesiapa yang melepaskan seorang mu'min suatu kesusahan di dunia, nescaya Allah akan melepaskan dirinya daripada suatu kesusahan dari kesusahan-kesusahan di hari kiamat, sesiapa yang meringankan penderitaan seorang yang susah, nescaya Allah akan meringankan penderitaan dirinya di dunia dan di akhirat. Dan Allah sentiasa menolong hambaNya, selagi hambaNya berusaha menolong saudaranya."

Fuqaha' bersepakat bahawa tidak harus memberikan pinjaman sekiranya diketahui bahawa wang tersebut akan digunakan bagi tujuan haram atau maksiat seperti perusahaan menternak babi atau membuat arak kerana dianggap turut bersubahat dalam aktiviti yang diharamkan oleh syarak.¹⁹

Rukun al-Qard

1. Pemiutang (orang yang memberikan pinjaman)
 - (a) Seorang ahli *tabarru*²⁰ yang boleh menguruskan harta, mengurus niaga (*ahliyyah al-mu'amalah*) dan memiliki harta tersebut.²¹ Bukan seorang yang gila atau kanak-kanak atau *mahjur 'alaih* iaitu orang yang disekat daripada menguruskan harta disebabkan safih (bodoh dalam hal ehwal pengurusan harta).
 - (b) Tiada unsur paksaan (*redha*)
2. Penghutang/peminjam
 - (a) Bukan seorang yang *mahjur 'alaih* kerana *safih*, orang gila atau kanak-kanak. Bagi kanak-kanak dan anak-anak

yatim, mereka harus meminjam sekiranya mempunyai wali yang boleh menguruskannya. Imam Subki berpendapat bahawa mereka hanya boleh meminjam sekiranya terdapat darurat dan jika sebaliknya, maka pinjaman itu terbatal.

(b) Tiada unsur paksaan (*redha*)

(c) Berkemampuan untuk membayar balik pinjaman yang dibuat.²²

3. Barang yang dipinjam

(a) Fuqaha' berselisih pendapat tentang barang-barang yang sah diberi pinjam atau hutang. Fuqaha' mazhab Hanafi mengatakan sah berhutang barang-barang *mithliy* (yang mempunyai unit yang serupa di pasar) iaitu yang boleh disukat, ditimbang dan dibilang dan mempunyai saiz yang hampir serupa seperti wang, telur, buah kelapa dan sebagainya.

(b) Manakala fuqaha' mazhab Maliki, Syafi'i dan Hanbali mengatakan harus diberi hutang bagi barang-barang yang boleh disukat atau ditimbang seperti emas, perak dan makanan termasuk barang-barang qimiy seperti batu permata. Walaubagaimanapun, pandangan yang asah/rajih mengatakan barang-barang yang jarang atau sukar atau tidak boleh dipulangkan seperti batu permata adalah tidak sah dijadikan hutang.²³

4. *Sighah*

Mestiah mempunyai lafaz *ijab* dan *qabul* yang membawa maksud pemberian pinjaman dan hutang²⁴ seperti "Aku membenarkan engkau meminjam RM100 dan hendaklah digantikan kembali wang ini. Kemudian hendaklah disusuli dengan lafaz penerimaan/persetujuan daripada peminjam.²⁵

Objektif pelaksanaan *al-Qard al-Hasan*

1. Membantu golongan yang memerlukan.
2. Merapatkan jurang perbezaan antara golongan yang kaya

dan miskin melalui pengagihan kekayaan dan sumber dalam masyarakat.

3. Memupuk semangat persaudaraan, keprihatinan, ehsan dan saling bantu membantu di kalangan umat Islam.
4. Mengukuhkan sektor sosio ekonomi negara.
5. Menyediakan ruang, peluang dan kemudahan kepada golongan berpendapatan rendah untuk menceburkan diri dalam sektor perniagaan dengan menggunakan kepakaran dan kemahiran yang ada di samping membantu menjana peluang pekerjaan kepada orang lain.
6. Menghapuskan diskriminasi sosial dan ekonomi dalam masyarakat.
7. Sebagai salah satu wasilah da'wah kepada golongan bukan Islam mengenai kesyumulan dan keindahan Islam dengan memberikan bantuan pinjaman kewangan secara *qard hasan*.
8. Mendapat keberkatan dan ganjaran berterusan di dunia dan akhirat.

***Al-Qard al-Hasan* sebagai instrumen penjana sosio ekonomi ummah**

Pelaksanaan skim perkhidmatan pemberian hutang atau pinjaman wang secara *qard hasan* telah diaplikasikan oleh beberapa institusi dan agensi di Malaysia dengan inisiatif untuk meringankan beban golongan yang terdesak dan tersepit dalam kancah krisis kewangan. Skim pembiayaan secara mikrokredit dilihat dapat membantu proses penjanaan pendapatan secara tetap kepada golongan yang berpotensi untuk meningkatkan taraf hidup mereka di samping menjadi pemangkin untuk memajukan sektor ekonomi tertentu khususnya industri kecil dan sederhana. Antara agensi yang menawarkan skim pinjaman secara *qard hasan* ialah Amanah Ikhtiar Malaysia dan beberapa koperasi Islam di negara ini. Memandangkan pelaksanaan pinjaman ini tidak mengenakan faedah ke atas pinjaman, pemantauan yang berterusan oleh pihak

berkenaan kepada peminjam amat penting bagi memastikan bayaran pinjaman dilunaskan pada kadar dan tempoh yang telah dipersetujui bersama.

Prinsip qard hasan juga digunakan secara meluas dalam skim pajak gadai Islam atau al-rahnu di Malaysia yang ditawarkan oleh koperasi dan bank. Skim Al-rahnu merupakan transaksi pemberian kemudahan pinjaman wang di mana seorang penggadai (al-rahin) akan meletakkan barang gadaian (al-marhun) yang bernilai seperti emas kepada pemegang gadaian sebagai cagar terhadap pinjaman yang dibuat. Jumlah pinjaman adalah berdasarkan kepada nilai emas semasa dan bergantung kepada peratusan had pinjaman yang dibenarkan oleh sesebuah institusi al-rahnu. Biasanya jumlah pinjaman yang dibenarkan adalah sekitar 50-75% daripada harga barang gadaian mengikut nilai emas semasa. Pinjaman yang ditawarkan adalah berlandaskan kepada qard hasan iaitu tidak dikenakan sebarang kadar faedah.

Bagi menampung kos pengurusan, pemegang barang gadaian dibenarkan untuk mengenakan caj upah simpan pada kadar yang rendah terhadap penggadai. Apabila cukup tempoh matang, penggadai hendaklah mengambil barang gadaian tersebut dan membayar jumlah pinjaman beserta dengan kos upah simpan. Sekiranya tamat tempoh matang atau tempoh lanjutan penebusan barang, pemegang barang gadaian berhak untuk menjual barang gadaian melalui proses lelongan terbuka dan adil. Pemegang pajak gadai dibenarkan untuk mengambil jumlah wang yang dipinjam beserta dengan kos upah simpan daripada hasil lelongan barang gadaian. Sekiranya terdapat lebihan, maka ia hendaklah dipulangkan kepada penggadai.

Selain itu, terdapat juga beberapa institusi kewangan dan koperasi di Malaysia yang menawarkan skim pinjaman kewangan dan pembiayaan untuk menunaikan haji atau umrah meskipun tidak semua pinjaman tersebut adalah berlandaskan kepada prinsip qard hasan. Selaras dengan prinsip perundangan Islam yang bersifat murunah, seseorang itu dibenarkan berhutang atau membuat pinjaman kewangan bagi tujuan menunaikan rukun Islam yang kelima sekiranya dia yakin mampu membayar balik pinjaman tersebut. Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali ke-69 pada 13-15 Jun 2005 telah memutuskan seperti berikut "Adalah harus seseorang berhutang untuk menunaikan haji atau umrah sekiranya diyakini mampu membayar balik pinjaman hutang

tersebut dan tidak menjejaskan kehidupannya; dan skim pinjaman tersebut hendaklah diuruskan melalui badan atau koperasi yang mementingkan prinsip ikhlas, ta'awun, adil dan telus dalam operasinya di samping bebas dari unsur-unsur riba."

Prinsip-prinsip umum ketika berhutang

Meskipun Islam mengharuskan seseorang muslim untuk berhutang ketika dilanda kesempitan, kelonggaran ini tidak seharusnya disalahertikan. Terdapat pandangan di kalangan mazhab Hanbali yang mengatakan "sedekah adalah lebih baik daripada hutang dan tidak berdosa seseorang yang meminta tetapi tidak berhutang".²⁶

Justeru, hukum syara' telah menggariskan beberapa prinsip yang harus diberikan perhatian ketika berhutang seperti berikut:

- i) Setiap hutang yang dibuat hendaklah ditulis bagi memastikan pihak-pihak yang berkontrak khususnya penghutang menyedari komitmen dan obligasi masing-masing untuk membayar kembali hutang tersebut dan merekodkan pembayaran yang dibuat bagi mengelakkan berlakunya penipuan. Firman Allah SWT dalam surah *al-Baqarah*, ayat 282:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا تَدَايَيْتُمْ بِدَيْنٍ إِلَىٰ أَجَلٍ مُّسَمًّى فَاكْتُبُوهُ ۚ وَلْيَكْتُب بَيْنَكُمْ كَاتِبٌ بِالْعَدْلِ وَلَا يَأْبَ كَاتِبٌ أَنْ يَكْتُبَ كَمَا عَلَّمَهُ اللَّهُ ۚ فَلْيَكْتُبْ وَلْيُمْلِلِ الَّذِي عَلَيْهِ الْحَقُّ وَلْيَتَّقِ اللَّهَ رَبَّهُ وَلَا يَنْخَسِ مِنْهُ شَيْئًا ۚ فَإِنْ كَانَ الَّذِي عَلَيْهِ الْحَقُّ سَفِيهًا أَوْ ضَعِيفًا أَوْ لَا يَسْتَطِيعُ أَنْ يُمِلَّ هُوَ فَلْيُمْلِلْ وَلِيُّهُ بِالْعَدْلِ ۚ وَاسْتَشْهِدُوا شَهِيدَيْنِ مِنْ رِجَالِكُمْ ۖ فَإِنْ لَمْ يَكُونَا رَجُلَيْنِ فَرَجُلٌ وَامْرَأَتَانِ مِمَّنْ تَرْضَوْنَ مِنَ الشُّهَدَاءِ أَنْ تَضِلَّ إِحْدَاهُمَا فَتُذَكَّرَ إِحْدَاهُمَا الْأُخْرَىٰ ۚ وَلَا يَأْبَ الشُّهَدَاءُ

إِذَا مَا دُعُوا وَلَا تَسْأَمُوا أَنْ تَكْتُبُوهُ صَغِيرًا أَوْ كَبِيرًا إِلَىٰ أَجَلِهِ
 ذَلِكُمْ أَقْسَطُ عِنْدَ اللَّهِ وَأَقْوَمُ لِلشَّهَادَةِ وَأَدْنَىٰ أَلَّا تَرْتَابُوا^ط
 إِلَّا أَنْ تَكُونَ تِجَارَةً حَاضِرَةً تُدِيرُونَهَا بَيْنَكُمْ فَلَيْسَ عَلَيْكُمْ
 جُنَاحٌ أَلَّا تَكْتُبُوهَا وَأَشْهَدُوا إِذَا تَبَايَعْتُمْ وَلَا يُضَارَّ كَاتِبٌ
 وَلَا شَهِيدٌ وَإِنْ تَفَعَّلُوا فَإِنَّهُ فَسُوقٌ بِكُمْ وَاتَّقُوا اللَّهَ وَيُعَلِّمُكُمُ
 اللَّهُ وَاللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ

"Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu menjalankan sesuatu urusan dengan hutang piutang yang diberi tempoh hingga ke suatu masa yang tertentu maka hendaklah kamu menulis (hutang dan masa bayarannya) itu dan hendaklah seorang penulis di antara kamu menulisnya dengan adil (benar) dan janganlah seseorang penulis enggan menulis sebagaimana Allah telah mengajarkannya. Oleh itu, hendaklah ia menulis dan hendaklah orang yang berhutang itu merencanakan (isi surat hutang itu dengan jelas). Dan hendaklah ia bertaqwa kepada Allah Tuhannya, dan janganlah ia mengurangkan sesuatu pun dari hutang itu..."

ii) Tidak boleh mengenakan sebarang bayaran tambahan terhadap pinjaman yang diberikan atas sebab kelewatan membuat pembayaran balik hutang meskipun telah dipersetujui atau disyaratkan di awal kontrak. Sebarang faedah atau lebihan dalam bentuk wang, barang, manfaat dan sebagainya adalah riba dan hukumnya adalah haram. Isu yang sering dibahaskan oleh ulama' ialah mengenai kos perkhidmatan yang dikenakan ke atas pinjaman qard hasan. Sebarang kos perkhidmatan yang dikenakan ke atas orang yang berhutang hendaklah berdasarkan kepada kos sebenar pengurusan dan perkhidmatan yang disediakan dan tidak boleh dikaitkan dengan jumlah pinjaman sebagaimana yang ditetapkan dalam AAOIFI Shariah Standards.²⁷ Manakala Resolusi *Majma' al-Fiqh al-Islamiy* kali ketiga telah menetapkan bahawa kos perkhidmatan boleh dikenakan dengan syarat kos tersebut merupakan kos sebenar dan cara kiraan hendaklah dibuat secara tepat dan sebaiknya. Turut dinyatakan bahawa kos-kos pengurusan

sesebuah institusi seperti gaji pekerja, dan sewaan bangunan tidak boleh dimasukkan dalam kos sebenar.

Memandangkan prinsip utama yang mendasari kontrak qard hasan ialah ta'awun atau semangat tolong menolong, maka sewajarnya tiada sebarang caj perkhimatan dikenakan kepada pihak yang meminjam bagi meringankan beban yang dihadapi oleh golongan ini.

iii) Kepentingan menyelesaikan semua hutang turut disyaratkan dalam perwarisan iaitu sebelum sesuatu harta pusaka dibahagikan secara faraid, segala hutang piutang si mati hendaklah dibereskan terlebih dahulu.

iv) Hutang merupakan hak individu tertentu yang wajib dipulangkan dalam tempoh sebagaimana yang dijanjikan. Rasulullah SAW mengingatkan bahawa perbuatan melengah-lengahkan hutang merupakan suatu kezaliman. Sabda Baginda SAW: "Orang yang melengah-lengahkan penjelasan hutang sedang dia berkemampuan berbuat demikian adalah seorang yang zalim".

Bantuan kepada *asnaf al-gharimin*

Dalam meredah gelombang kehidupan, terdapat dari kalangan masyarakat umum yang terpaksa berhutang untuk memenuhi keperluan asasi misalnya mendapatkan sesuap nasi demi menyara anak-anak dan keluarga, berhutang untuk membeli barang-barang keperluan selepas ditimpa musibah seperti kebakaran, bagi tujuan perubatan dan sebagainya. Pada ketika inilah, pemerintah khususnya kerajaan negeri melalui institusi zakat memainkan peranan yang besar dalam meringankan beban yang dihadapi oleh golongan yang dibelenggu hutang atau *asnaf al-gharimin*. Fungsi institusi zakat begitu signifikan bagi mewujudkan keseimbangan dalam aspek sosial dan ekonomi dalam masyarakat iaitu golongan yang berkemampuan mengeluarkan zakat bagi membantu golongan yang kurang bernasib baik.

Sebagai contoh, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan melalui Bahagian Baitulmal setiap tahun telah mengkhususkan sejumlah peruntukan bagi membebaskan *asnaf al-gharimin* daripada belenggu hutang. Pada tahun 2007, sebanyak RM1.4 juta daripada keseluruhan peruntukan agihan zakat iaitu RM145 juta

telah disumbangkan kepada asnaf al-gharimin. Manakala sehingga pertengahan Disember 2008, data tidak rasmi daripada Baitulmal merekodkan bahawa kira-kira RM1.3 juta telah diagihkan kepada 706 orang di sekitar Wilayah Persekutuan dalam kategori al-gharimin. Antara kriteria yang diberikan perhatian dalam proses agihan ialah golongan ini terpaksa berhutang atas faktor-faktor memenuhi keperluan asas kehidupan misalnya membeli makanan, bagi tujuan perubatan, pembelian barang-barang asasi selepas ditimpa musibah seperti kebakaran dan sebagainya (perlu disertakan resit).

Walau bagaimanapun, tidak termasuk dalam kategori di atas ialah orang yang berhutang dengan pihak institusi kewangan seperti bank dan koperasi memandangkan golongan ini dianggap berkemampuan untuk membuat bayaran balik pinjaman setelah dinilai oleh pihak bank dan koperasi. Bebanan hutang yang ditanggung biasanya adalah disebabkan oleh sikap individu itu sendiri yang gagal mendisiplinkan diri untuk melunaskan pembayaran atau berbelanja serta membuat pinjaman melebihi kemampuan pendapatan. Bantuan juga tidak disalurkan kepada mereka yang berhutang dengan pihak pemberi pinjaman tidak berlesen seperti ceti haram atau ah long. Tindakan memberi bantuan kepada mereka yang berhutang dengan ceti haram dibimbangi akan menyuburkan lagi aktiviti pemberian hutang secara riba serta berkemungkinan secara tidak langsung menjadi penyumbang kepada aktiviti ekonomi yang menguntungkan pihak-pihak tertentu yang mana sumbangan modal dan sumber pendapatan mereka dijana oleh kegiatan ah long.

Gejala ceti haram

Saban hari kita dikejutkan dengan pelbagai insiden yang dikaitkan dengan gejala ceti haram atau ah long yang semakin berleluasa sehingga menimbulkan kegelisahan dalam masyarakat. Berdasarkan kepada statistik daripada Jabatan Siasatan Jenayah Komersil, Polis DiRaja Malaysia, Bukit Aman, sehingga November 2008, sebanyak 249 kes di bawah seksyen 5(2) Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 (Akta 400) telah dilaporkan dan dibuka kertas siasatan di seluruh Malaysia. Peruntukan undang-undang di atas secara spesifik menyentuh tentang aktiviti menjalankan perniagaan pemberian pinjaman wang tanpa lesen yang sah atau lesen tamat

tempoh atau lesen digantung. Jumlah kes yang direkodkan didapati telah meningkat berbanding tahun 2006 dan 2007 iaitu masing-masing mencatat sebanyak 61 dan 161 kes. Sementara itu, jumlah aduan kes ah long yang diterima oleh Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) sehingga pertengahan Disember 2008 adalah sebanyak 160 kes. Kebanyakan pengadu yang datang ke PPIM bertujuan mendapatkan khidmat nasihat setelah menerima ancaman daripada ah long kerana tidak dapat menjelaskan hutang.

Dalam kebanyakan kes, laporan dibuat kepada pihak polis apabila peminjam menerima ancaman dan ugutan daripada ah long setelah peminjam didakwa gagal menyelesaikan hutang tertunggak. Meskipun, pelbagai usaha telah diambil oleh kerajaan untuk memberikan kesedaran kepada masyarakat agar tidak melanggan perkhidmatan pinjaman wang secara haram, namun ramai yang masih tidak serik mahupun mengambil pengajaran memandangkan urusan mendapatkan wang daripada ah long adalah begitu mudah.

Kegiatan ceti haram atau ah long secara jelas bertentangan dengan ajaran Islam kerana perkhidmatan pinjaman kewangan yang ditawarkan mengandungi unsur riba dengan mengenakan bayaran bunga atau faedah serta tidak telus terutama sekali dalam aspek struktur pinjaman dan pembayaran balik. Aktiviti ah long atau ceti haram juga sering dikaitkan dengan keganasan serta melakukan kekerasan seperti ugutan, tindakan mencederakan peminjam, pembunuhan dan sebagainya. Malah, para peminjam yang berdepan dengan ugutan dan gangguan daripada ah long turut menghadapi tekanan jiwa dan perasaan sehingga ada yang sanggup membunuh diri termasuk ahli-ahli keluarga kerana bimbang diganggu atau disakiti oleh ah long. Kita juga mendengar berita-berita di media massa berlakunya keruntuhan rumahtangga dan perpecahan dalam keluarga akibat keterlibatan peminjam dengan ah long disebabkan tidak berfikir panjang tentang musibah yang bakal dihadapi.

Bagi memerangi kegiatan ceti haram, kerajaan mengambil tindakan berterusan untuk mengawal dan memantaunya menerusi usahasama dengan pelbagai agensi seperti pihak berkuasa tempatan, Polis DiRaja Malaysia dan NGO. Antara langkah yang diambil ialah melalui tindakan memberhentikan pemberian lesen kepada peminjam wang berlesen, kempen kesedaran, khidmat nasihat dan usaha besar-besaran menurunkan iklan ah long di

kawasan-kawasan perumahan.

Kesimpulan

Islam merupakan agama yang telah menyediakan hamparan jalan kehidupan yang syumul dengan menganjurkan umatnya bijak menguruskan kehidupan termasuk dalam aspek pengurusan kewangan. Meskipun Islam mengharuskan umatnya berhutang atau membuat pinjaman kewangan, namun tindakan tersebut tidak sewajarnya dijadikan sebagai amalan atau budaya melainkan dalam keadaan terdesak atau sangat memerlukan. Tabiat gemar berhutang wajar dihindari kerana kesannya mengakibatkan seseorang itu hidup dalam kegusaran, kerisauan dan tertekan sehingga menjejaskan kerukunan institusi kekeluargaan serta merenggangkan hubungan persaudaraan dan persahabatan. Umat Islam dianjurkan untuk menjalani kehidupan secara bersederhana dan bersyukur dengan nikmat yang dikurniakan oleh Allah atas daya usaha masing-masing. Malah mereka diseru agar berhati-hati ketika membuat pinjaman kewangan agar tidak terjebak dalam kancuh hutang yang bukan sahaja bertentangan dengan aspek perundangan negara malah melampaui batas-batas murni yang digariskan oleh Islam.

Islam telah mensyariatkan instrumen pemberian pinjaman kewangan yang tidak membebankan pengguna menerusi prinsip al-qard al-hasan. Pelan pinjaman al-qard al-hasan wajar diketengahkan dan diperluaskan lagi pelaksanaannya sebagai salah satu asas dalam menggerakkan sistem ekonomi Islam yang bebas daripada elemen riba. Pelaksanaannya walau bagaimanapun memerlukan kajian yang lebih teliti dengan mengambil kira pengalaman dan pandangan pihak-pihak yang menjalankan skim pinjaman tersebut pada masa sekarang. Hasrat murni ini sewajarnya didokong oleh semua agensi yang terlibat secara langsung dalam usaha memartabatkan taraf sosio ekonomi umat Islam di negara ini.

- 1 Sahih Muslim, hadith no. 1619, juz 3, m.s 1237.
- 2 Al-Sunan al-Kubra, hadith no. 7909, Juz 4, m.s 453.
- 3 Al-Suyuti, *Jami' al-Ahadith*, juz 6, hadith no. 4522, m.s 476; Al-Athir, *Jami' al-Usul min Ahadith al-Rasul*, hadith no. 2296, Juz 4, m.s 2296.
- 4 Ab. Mumin Ab. Ghani, *Sistem Kewangan Islam dan Pelaksanannya di Malaysia*, m.s 129.
- 5 Mustafa al-Khind dan Mustafa al-Bugha, *al-Fiqh al-Manhaji*, jld 3, 201.
- 6 Mustafa al-Khin dan Mustafa al-Bugha, *Fiqh al-Manhaji*, Juz 3, m.s 89.
- 7 Ibid, m.s 89.
- 8
- 9 Al-'Asqalani, *Bulugh al-Maram*, hadith no.761, juz 1, m.s 227.
- 10 Muhammad bin Ismail al-Amir al-Yamini al-Sina'i, *Subul al-Salam*, Juz.3, m.s 48.
- 11 Sahih Muslim, hadith no. 3009, j. 4, m.s 39.
- 12 Sahih al-Bukhari, hadith no. 2264, juz 2, m.s 843.
- 13 Al-Tabari, *Tafsir al-Tabari*, juz 2, m.s 707-708.
- 14 Ibn Qudamah, *Al-Mughni*, Jld 4, m.s 313; Al-Syirbini, *Al-Mughni al-Muhtaj*, Jld 2, m.s 117.
- 15 Sunan Ibn Majah, hadith no. 2430, juz 2, m.s 812.
- 16 Al-Suyuti, *Jami' al-Ahadith*, hadith no. 12633, Juz 13, m.s 91.
- 17 Ibn Qudamah, *ibid*, m.s 385; Al-Zuhayli, *Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*, Juz 5, m.s 3787.
- 18 Sahih Muslim, hadith no. 7028, juz 8, m.s 71; *Sunan Ibn Majah*, hadith no. 225, juz 1, m.s 28; Sunan al-Tirmizi, hadith no. 2945, juz 5, m.s 195.
- 19 Al-Syirbini, juz 2, m.s 153.
- 20 Akad qard terdapat padanya ciri-ciri tabarru' (kebajikan), justeru pemiutang mestilah berkelayakan untuk berbuat demikian iaitu boleh menguruskan harta dan memiliki harta tersebut. Sekiranya seorang wali (pemegang amanah) memberi pinjaman harta yang diuruskannya bagi pihak orang lain bukan atas sebab hajah atau darurat maka akad tersebut adalah batal. Rujuk *Fiqh Manhaji*, Juz 3 m.s 92.
- 21 Disyaratkan pemiutang dan penghutang merupakan seorang yang rushd iaitu baligh, dan arif tentang agama dan soal harta, rujuk *Fiqh Manhaji*, Juz 3, m.s 92.
- 22 Dinyatakan dalam kitab al-Mughni al-Muhtaj, sekiranya seseorang peminjam didapati tidak mampu melunaskan hutangnya, pemiutang hendaklah menyembunyikan kekayaan dan kemampuan untuk memberi hutang. Tetapi tidak harus menyembunyikan kekayaan atau kemampuan dalam bab memberi sedekah, al-Syirbini, juz 2, m.s 153.
- 23 Al-Zuhayli, *ibid*, m.s 3789-3790.
- 24 Sekiranya tidak dinyatakan syarat dikembalikan gantian dalam lafaz: "Aku beri engkau wang ini atau ambillah wang ini", maka ia akan menjadi hibah. Al-Syirbini, *Mughni al-Muhtaj*, juz 2, m.s 154.
- 25 Ibid
- 26 Al-Zuhayli, *Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*, Juz 5, m.s 3787.
- 27 AAOIFI Accounting and Shariah Standards, m.s 337.